



PENDIDIKAN

ARKIB : 14/04/2001

Lepasan KPKK layak serta program Ph.D, Sarjana

GURU-GURU lepasan ijazah sarjana muda program Kelayakan Profesion Keperketuaan Kebangsaan (KPKK) dari Institut Aminuddin Baki (IAB) kini boleh menyambung ke tahap sarjana dan kedoktoran falsafah (PhD) di Institut Pengetua, Universiti Malaya (UM).

Institut berkenaan diletakkan di bawah Fakulti Pendidikan, UM.

Yang ditawarkan di situ ialah latihan praperkhidmatan kepada bakal pengetua melalui program sarjana dan PhD dalam bidang keperketuaan.

Pengarahnya Prof. Dr. Rahimah Ahmad berkata, Institut Pengetua ditubuhkan pada tahun 1999, bertujuan untuk membekalkan bakal pengetua dengan ciri-ciri kepimpinan dan kepakaran menerajui institusi pendidikan.

``Kami menawarkan program-program yang tuntas kepada bakal pengetua untuk mendalami teori, ilmu, prinsip dan kepakaran bidang keperketuaan sebelum dianugerahkan ijazah," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurut Dr. Rahimah, program Sarjana Keperketuaan ini merupakan kesinambungan daripada program KPKK yang dilaksanakan oleh IAB.

Program KPKK katanya, mengambil masa enam bulan dan calon-calon yang berminat mengikutinya dikehendaki menjalani ujian-ujian yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

``Selepas tamat program tersebut barulah calon diterima masuk ke program sarjana yang mengambil masa 13 bulan ini," tambahnya lagi.

Prosedur yang lebih ketat ini katanya, merupakan ciri-ciri yang membezakannya dengan Sarjana Pendidikan dan Sarjana Pengurusan Pendidikan yang turut ditawarkan di fakulti berkenaan.

Dr. Rahimah menambah, selepas tamat pengajian sarjana di Institut Pengetua, mereka dikehendaki menjalani latihan praktikal selama tiga bulan.

``Program ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan," jelasnya.

Menurut Dr. Rahimah, semenjak ia ditubuhkan, Institut Pengetua telah membuat dua pengambilan.

``Seramai 71 calon yang lulus KPKK ditawarkan tempat dalam setiap pengambilan," katanya lagi.

Dr. Rahimah berkata, Institut Pengetua berhasrat untuk menjadi pusat rujukan bagi penyelidikan dan pembangunan di dalam bidang kepengetuaan yang terulung di rantau ini.

Selain itu katanya, institut ini diharapkan menjadi pusat rangkaian serantau dan antarabangsa dalam bidang latihan dan perkembangan staf, khususnya pengetua dan ketua sekolah.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0414&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_02.htm#ixzz2vo8iAF00

© Utusan Melayu (M) Bhd